

Hentikan perbincangan isu agama – Abdullah

UM-26/7/2006

Oleh FAUZI JAAFAR
dan HAMDEN RAMLI

KUALA LUMPUR 25 Julai – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta semua pihak termasuk media menghentikan segala perbincangan mengenai agama kerana ia sangat sensitif.

Perdana Menteri berkata, kerajaan kini memerhatikan kegiatan tersebut dengan serius kerana berpendapat ia boleh memberi kesan buruk kepada negara jika diteruskan tanpa sekatan.

“Hentilah (perbincangan agama), jangan buat apa-apa. Isu agama cukup sensitif ia lebih sensitif daripada isu perkauman. Jika ia tidak dibendung, dikawal secara berhati-hati, akan lahir situasi tentangan di kalangan rakyat.

“Jika perbincangan (agama) yang berjalan itu tidak dibendung, tidak dikawal dengan perasaan berhati-hati, maka apa yang berlaku ialah ketegangan antara rakyat yang menganuti agama berlainan,” katanya.

Beliau pada masa yang sama turut meminta media menjalankan tugasnya dengan tidak membesar-besarkan perbincangan mengenai agama.

ngan mengenai agama.

“Seperti yang saya bincang tadi, akhbar perlu melaksanakan tanggungjawabnya supaya tidak membesar-besarkan isu ini. Tidak menyiarkan berita yang akan menimbulkan rasa tidak senang hati atau ketegangan atau boleh juga menimbulkan kemarahan rakyat,” katanya.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO di Menara Dato Onn di sini hari ini, beliau berkata, semua pihak perlu berhati-hati dalam membincangkan isu agama.

“Seluruh rakyat Malaysia juga perlu berhati-hati dalam membincangkan isu agama,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas tindakan Kumpulan Artikel 11 yang mengandungi 13 pertubuhan bukan kerajaan (NGO) termasuk Majlis Peguam yang sedang menjalankan kempen seluruh negara bagi mendapat sokongan untuk meminda Perkara 121(A) Perlembagaan Persekutuan.

Kandungan Perkara 121(A) tersebut merujuk kepada peruntukan perlembagaan yang menghalang mahkamah sivil mencampuri bidang kuasa mahkamah syariah.

Jika perbincangan (agama) yang berjalan itu tidak dibendung, tidak dikawal dengan perasaan berhati-hati, maka apa yang berlaku ialah ketegangan antara rakyat yang menganuti agama berlainan

**ABDULLAH AHMAD
BADAWI**
Perdana Menteri

Pertemuan pertama kumpulan 13 NGO tersebut berlangsung di Johor Bahru, Johor pada 22 Julai lepas.

Perdana Menteri berkata, pihak yang mengadakan perbincangan agama adalah kumpulan yang mahukan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) diwujudkan.

“Yang meneruskan perdebatan agama itu ialah kumpulan yang mahukan IFC. Saya katakan IFC sangat sensitif.

“Mengenai IFC, saya sendiri minta tangguh, jika tangguh ia tak perlu diadakan perbincangan lagi.

“Bila dilaksanakan, inilah jadinya. Dulu tiada masalah, sekarang dah jadi masalah,” kata Perdana Menteri.

Malah beliau yang juga Menteri Kesela-

matan Dalam Negeri berkata, IFC ditangguh hasil daripada keputusan Jemaah Menteri pada tahun lalu.

Dalam hal ini, Abdullah berkata, MT UMNO berpendapat dan bersepakat bahawa IFC tidak perlu diadakan langsung kerana ia sangat sensitif.

Beliau turut melahirkan rasa kesal kerana isu agama tidak timbul pada masa dulu tetapi kini ia menjadi masalah yang boleh memberi kesan kepada kerajaan jika tidak ditangani dengan bijak.

“UMNO, parti terbesar dalam Barisan Nasional (BN) pula amat bimbang tentang isu-isu agama yang kini dibincang dengan hangat oleh semua pihak sekarang ini,” katanya.